

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2015-2016**  
**DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas			
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi					
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>									
<b>UNIT PERUNDANGAN ISLAM</b>									
1	Bengkel Undang-Undang Antarabangsa			✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mengembangkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan undang-undang antarabangsa.</li> <li>Untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai mengenai instrument antarabangsa yang lazim digunakan di dalam perjanjian dan sebagainya.</li> <li>Untuk mengalakkan pegawai di Unit ini bergiat aktif dengan isu-isu antarabangsa.</li> <li>Untuk mempelajari dari aspek teknikal dan isu dalam suatu instrument antarabangsa Sasaran</li> <li>Bengkel ini melibatkan seramai 10 orang pegawai daripada Pegawai-Pegawai Perundangan Syariah, Unit Perundangan Islam dan 3 orang pegawai daripada Bahagian Perhubungan dan Antarabangsa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Antara peranan dan tugas Unit Perundangan Islam ialah meneliti peruntukan-peruntukan dan isu-isu dalam instrument antarabangsa dan memberikan pandangan dari perspektif undang-undang syariah dan bertindak ke atas isu-isu berkenaan mengikut kesesuaian.</li> <li>Unit ini juga terlibat secara langsung membantu menyediakan input berkaitan dengan Hukum Syaria' untuk dijadikan sandaran dan pendirian Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ikut menghadiri persidangan antarabangsa mengenai hak asasi manusia.</li> </ul>			
<b>JABATAN HAL EHWAL SYARIAH</b>									
2	Kod Etika Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga		✓		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kod ini membolehkan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga memberikan penjelasan kepada pegawai-pegawai lain tentang etika yang perlu dipatuhi.</li> <li>Kod ini membantu merealisasikan wawasan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga</li> <li>Kod ini menjelaskan tentang prinsip amalan dan tingkah laku yang beretika</li> <li>Kod ini berperanan sebagai garis pandu kepada pegawai-pegawai lain dalam menghasilkan keputusan profesional yang betul-betul bermanfaat bagi orang ramai mendapatkan khidmat kaunseling/khidmat nasihat.</li> <li>Kod ini akan diperlakukan sebagai dasar untuk memproses aduan yang ditujukan kepada pegawai kaunselor/khidmat nasihat keluarga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kod Etika ini bertujuan menyediakan garis panduan kepada Pegawai Khidmat Nasihat keluarga dan juga menjadi asas dalam menyelesaikan isu etika yang timbul berkaitan standard tatalaku Pegawai Khidmat Nasihat</li> <li>Kod ini menggariskan standard tatalaku Pegawai Khidmat Nasihat yang mesti diikuti dalam menjalin perhubungan profesional dengan klien, rakan sekerja, ketua bahagian dan ketua jabatan, pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat keseluruhannya supaya Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah memiliki integriti yang tidak dipersoalkan.</li> <li>Kod ini berasaskan nilai-nilai utama memberi khidmat nasihat kaunseling atau runding cara dengan memberikan penekanan terhadap penghargaan diri (<i>self appreciation</i>), harga diri (<i>dignity</i>) dan keunikan individu termasuklah hak dan peluang mereka.</li> <li>Apabila menghadapi situasi yang memerlukan campur tangan, Pegawai Khidmat Nasihat hendaklah menunaikan tanggungjawab etika dengan memberi pertimbangan berdasarkan kesemua prinsip yang terkandung dalam Kod ini.</li> </ul>			